



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

IKLAN DALAMAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf tetap dan kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada anak negeri Selangor.

**JURUTERA (TETAP) – GRED J41**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)  
c) Taraf Jawatan : Tetap  
d) Kekosongan Jawatan : 2

**JADUAL GAJI**

<b>GRED</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
<b>J41</b>	<b>RM2,529.00</b>	<b>RM9,643.00</b>
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM225.00</b>	
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM300.00</b>

**SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (b) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).**

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29/30, AB36, AB38 dan AB40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a) dan (b); **atau**
  - (ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek Bahagian Jalan serta lain-lain perkara yang berkaitan selaras dengan keperluan dan kehendak semasa.
2. Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek peruntukan Tabung Amanah, Jabatan Kejuruteraan.
3. Mengurus, menyelaras dan memantau permohonan kelulusan permit pengorekan jalan, permit guna jalan dan permit tutup jalan (keraian).
4. Mengurus dan menyelaras pentadbiran Bahagian Jalan dan Unit Akaun Amanah, Jabatan Kejuruteraan.

5. Mengurus dan menyelaras pelaksanaan kerja-kerja jalan dan lalulintas secara Jabatan.
6. Mengurus dan memantau tindakan aduan yang berkaitan dengan Bahagian Jalan serta menyelaras dan mengkoordinasi tindakan dengan pihak yang berkenaan.
7. Menyediakan peruntukan dan mengurus perbelanjaan tahunan Bahagian Jalan.
8. Menyediakan sasaran kerja tahunan serta laporan tahunan Bahagian Jalan.
9. Memantau dan mengawal selia dokumentasi ISO Bahagian.
10. Arahan dan tugas-tugas rasmi yang diarahkan oleh Ketua Jabatan, Timbalan Datuk Bandar dan Datuk Bandar dari semasa ke semasa.



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

**IKLAN DALAMAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf tetap dan kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada anak negeri Selangor.

**PEGAWAI PENGUAT KUASA (TETAP) – GRED KP41**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
b) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP)  
c) Taraf Jawatan : Tetap  
d) Kekosongan Jawatan : 1

**JADUAL GAJI**

<b>GRED</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
<b>KP41</b>	<b>RM2,081.00</b>	<b>RM9,547.00</b>
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM225.00</b>	
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>ELAUN INSENTIF PENGUAT KUASA</b>	<b>RM300.00</b>

**SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau**

(b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

**(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau**

(c) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,285.00); atau**

(d) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,387.21).**

dan (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a), 1(c) dan 1(d) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) atau 1(b) atau 1(c) atau 1(d); **atau**
  - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Menguatkuasakan Undang - undang Kecil, Enakmen, Kaedah, Perintah dan Peraturan yang digunapakai di Majlis seperti yang berikut :-
  - i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
  - ii. Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
  - iii. Enakmen Hiburan Dan Tempat Hiburan (Selangor) 1995 Pindaan 1998 dan Pindaan 2001.
  - iv. Akta Pengangkutan Jalan 1987, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2007.
  - v. Undang - Undang Kecil, Enakmen, Kaedah, Perintah dan Peraturan yang digunapakai di dalam Majlis.
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan di atas kelancaran tugas / kerja - kerja di Bahagian dan unit dibawah seliaan.
3. Menyediakan maklumbalas bagi mesyuarat dalam dan mesyuarat luaran.
4. Penyediaan laporan tindakan penguatkuasaan kepada agensi luar.
5. Membantu di atas kecekapan dan kelicinan kerja - kerja seharian Jabatan Penguatkuasaan.

6. Memantau kehadiran pegawai, ketua unit dan anggota ke sesi roll-coll dengan berpakaian lengkap dan kemas serta berdisiplin.
7. Membantu mentadbir urusan *personnel* dan kebajikan pegawai, kakitangan dan anggota penguatkuasa.
8. Membantu merancang latihan berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan dan kawalan keselamatan kepada anggota.
9. Menyelaras operasi bersepadu bersama agensi luar seperti PDRM, KPDNHEP, Imigresen dan lain-lain agensi.
10. Membantu mengawal disiplin dan melaporkan apa - apa kecuaiian dan salahlaku yang dilakukan oleh pegawai, kakitangan dan anggota dibawah seliaan.
11. Mengesahkan laporan berkaitan seperti laporan kerja harian, laporan disiplin buku poket, kerja lebih masa, laporan salah laku dan lain-lain dikemaskini serta dihantar oleh ketua unit masing-masing untuk tindakan selanjutnya mengikut waktu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan
12. Membantu mendapatkan dan mengumpul maklumat berhubung perkara - perkara yang menyalahi undang-undang yang digunapakai oleh MBPJ dan mengatur tindakan yang sewajarnya.
13. Mewakili Jabatan untuk mana-mana mesyuarat dalaman dan luaran.
14. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

**IKLAN DALAMAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf tetap dan kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada anak negeri Selangor.

**AKAUNTAN (TETAP) – GRED WA41**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan (WA)  
c) Taraf Jawatan : Tetap  
d) Kekosongan Jawatan : 1

**JADUAL GAJI**

<b>GRED</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
<b>WA41</b>	<b>RM2,820.00</b>	<b>RM9,585.00</b>
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM225.00</b>	
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM300.00</b>

**SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

***(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau***

(b) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

***(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau***



- (c) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).**

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) atau 1(b) atau 1(c); **dan**
- (b) had umur pelantikan:
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Menguruskan dan memastikan semua bayaran dibayar dalam tempoh 3 hari (pelbagai) dan 4 hari (kontrak) dari tarikh baucer/ dokumen lengkap diterima.
2. Mengurus dan memastikan bayaran gaji dan elaun perbatuan dijelaskan mengikut tarikh ditetapkan.
3. Mengurus dan memastikan caruman KWSP dan PERKESO Majlis dijelaskan sebelum 15hb. bulan berikutnya.
4. Bertanggungjawab meluluskan bayaran EFT Majlis melalui Maybank2e sebagai '1st Authoriser'.
5. Mengurus, menandatangani dan membatalkan cek-cek Majlis.

6. Menguruskan agenda, minit dan maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan.
7. Menguruskan laporan status bayaran kerja-kerja pembersihan Majlis untuk dihantar ke SUK.
8. Memantau dan menguruskan senarai pemiutang Majlis.
9. Menguruskan bajet tahunan Bahagian Semakan dan Belanja.
10. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian/ Ketua Jabatan dari masa ke semasa.



IKLAN LUARAN

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR (TETAP) – GRED N29**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Pentadbiran dan Sokongan (N)
- c) Taraf Jawatan : Tetap
- d) Kekosongan Jawatan : 2

**JADUAL GAJI**

<b>GRED</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
<b>N29</b>	<b>RM1,493.00</b>	<b>RM5,672.00</b>
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM145.00</b>	
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM160.00</b>
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM300.00</b>
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM350.00</b>

**SYARAT LANTIKAN**

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau**
- (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau**

- (c) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).**

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) atau 1(b) atau 1(c); **atau**
  - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**DESKRIPSI TUGAS:**

1. Mengurus dan menyelaras penyediaan belanjawan tahunan Jabatan serta mengurus hal ehwal kewangan Jabatan.
2. Mengurus dan menyelaras pengurusan pentadbiran dan hal ehwal kakitangan di semua bahagian dan Jabatan.
3. Membantu pengarah dalam mengawasi serta menjalankan penguatkuasaan disiplin, peraturan, prosedur kerja ke atas kakitangan / pekerja Jabatan.
4. Mengurus dan memantau pengurusan aduan Jabatan dan berkoordinasi dengan Jabatan-jabatan yang berkaitan.
5. Mengurus dan memantau pengurusan kontrak kerja dan perlepasan bon pelaksanaan.
6. Mengurus dan menyelia program kualiti MS ISO 9002 Jabatan.
7. Menyelaraskan dan mengendalikan penerimaan surat-surat dari luar Jabatan / Majlis dan menjawab serta mengawasi proses penghantaran surat-surat Jabatan.
8. Mengurus dan menyelaraskan serta memantau laporan-laporan berhubung Jabatan.
9. Mewakili Jabatan dalam menghadiri mesyuarat dialog, perjumpaan gotong-royong, persidangan video / media dan lain-lain urusan rasmi.
10. Bersedia menggantikan dan mengambil alih tugas Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian lain yang sedang bercuti.
11. Menerima Aset Alih dan Stor peralatan Jabatan Kejuruteraan.
12. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan, TSUB dan Datuk Bandar.



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**AHLI MUZIK (KONTRAK) – GRED B29**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Bakat dan Seni (B)
- c) Taraf Jawatan : Kontrak
- d) Kekosongan Jawatan : 1

**JADUAL GAJI**

GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
B29	RM1,499.00	RM5,679.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	RM145.00	
ELAUN	IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	RM160.00
	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	RM300.00
	BANTUAN SARA HIDUP	RM350.00

**SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau**
  - (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau**

- (c) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
***(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau***
- (d) diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
***(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78).***

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(b) atau 1(c) atau 1(d) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT UJIAN KHAS**

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu atau lebih alat muzik moden atau tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

### **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Bertanggungjawab menjalani latihan dan mengadakan persembahan yang ditetapkan.
2. Bertanggungjawab menghasilkan lagu-lagu ciptaan baru sebagai asset karya bahagian.
3. Menjalani rutin latihan, tugas harian yang telah dijadualkan pada waktu rasmi bekerja.
4. Bertanggungjawab menjaga, menyelenggara dan menyusun peralatan muzik masing-masing dan skor muzik.
5. Bertanggungjawab mengendalikan peralatan muzik moden dan tradisional.
6. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**ARTIS BUDAYA (PENARI) (KONTRAK) – GRED B19**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Bakat dan Seni (B)
- c) Taraf Jawatan : Kontrak
- d) Kekosongan Jawatan : 6

**JADUAL GAJI**

GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
B19	RM1,360.00	RM4,032.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	RM100.00	
ELAUN	IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	RM115.00
	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	RM300.00
	BANTUAN SARA HIDUP	RM350.00

**SYARAT LANTIKAN**

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau**
  - (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau**



- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
***(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,418.12); atau***
  
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
***(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24).***

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(b) atau 1(c) atau 1(d) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT UJIAN KHAS**

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

### **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Mempelajari gerak tari yang diajar oleh Pereka Tari.
2. Bertanggungjawab mempersembahkan gerak tari yang dipelajari dalam setiap persembahan yang ditugaskan.
3. Memastikan peralatan kebudayaan, bilik latihan dan bilik persalinan sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan terurus.
4. Membantu menyediakan dan mengemaskan peralatan kebudayaan sebelum dan selepas pertunjukan.
5. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

### PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui portal MBPJ [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my). Sila muat turun tatacara permohonan jawatan kosong;
- c) Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan-badan Berkanun mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- d) Calon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan Ijazah, Diploma, Sijil Matrikulasi, STPM, STAM, SPM dan sijil-sijil bagi jawatan berkaitan atau resume sehingga dihubungi untuk panggilan temu duga;
- e) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK**;
- f) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil untuk temu duga;
- g) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan **TIDAK BERJAYA**;
- h) Perbelanjaan untuk menghadiri temu duga ditanggung sendiri oleh pemohon.

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR ATAU IBU/ BAPA  
DILAHIRKAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.**

**TARIKH IKLAN DIBUKA : 08 FEBRUARI 2022 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 FEBRUARI 2022 (SELASA)**

Iklan kekosongan jawatan dipaparkan di portal Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)